

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Latih pelajar rancang kerjaya

06. Oct 2008

Harian Metro

VAR

336603

2192000

Language

MALAY

Page No

V4

Article Size

372 cm2

Frequency

Daily

Color

Full Color

AdValue

4783.86



Latih pelajar rancang kerjaya

Lulusan pusat latihan boleh berjaya setaraf graduan



BERI PANDUAN... guru kaunselor berperanan memberi panduan masa depan atau maklumat mengenai kerjaya kepada pelajar supaya mereka mampu merencana masa depan dengan bijak.

>>Oleh Mohd Rifaat Abd Hamid
rencana@hmetro.com.my

BEBERAPA bulan lagi pelajar tingkatan tiga dan lima akan menghadapi peperiksaan penting, justeru persediaan terakhir penting bagi jaminan kejayaan ke menara gading.

Selain membuat persiapan menghadapi peperiksaan, mereka perlu ada perancangan jika gagal ke menara gading. Ini bagi mengelak mereka hilang haluan dan terbabit dengan gejala negatif.

Justeru, saya mengesyorkan sekolah mengadakan lawatan ke pusat latihan kemahiran

bagi mendedahkan dengan pelbagai kursus.

Negara mempunyai banyak pusat latihan kemahiran tetapi masih ada pelajar tidak tahu kewujudan dan fungsi-sinyanya.

Sangat praktikal jika guru sekolah boleh meluangkan masa memilih pelajar bermiminat dibawa ke pusat latihan berkenaan bagi membolehkan melihat sendiri kursus secara dekat.

Mungkin ada pendapat pelajar yang keluar dari pusat latihan kemahiran dilabelkan 'kelas kedua' kerana bukan lulusan universiti.

Pandangan dangkal itu perlu

diubah kerana boleh dikatakan hanya peratusan kecil saja pelatih dari pusat latihan menjadi penganggur jika dibandingkan siswazah.

Malah, pendapatan mereka mampu menyaingi pendapatan warga universiti.

Justeru, peranan guru kaunselor penting supaya pelajar kurang berpotensi dalam akademik tahu merencana masa depan bagi mengelak terus tercincir.

Biarup tidak berjaya masuk ke universiti, mereka boleh berjaya dengan kemahiran diperoleh, sekali gus memastikan masa depan yang gemilang.



JANGAN JADI SEPERTI INI......jangan melakukan tindakan seperti ini kerana akan merugikan diri sendiri dan menggelapkan perjalanan hidup.

>Mentor



NAMA: Shuib Mustaffa
UMUR: 53 tahun
ASAL: Kedah
KELULUSAN: Ijazah Sarjana Sains Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia
JAWATAN: Kaunselor di SMK Paya Kemunting, Jitra, Kedah dan Naib Pengurus Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan